

28/09/1998

Azizah perlu nasihati penyokong

Daut Awang

JOHOR BAHRU, Ahad - Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, meminta isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menasihatkan penyokongnya supaya tidak melakukan perhimpunan haram kerana ia boleh menyulitkan keadaan.

Menurutnya, tindakan mengadakan perhimpunan haram akan melambatkan proses keadilan seperti yang dijanjikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebagai wanita, saya bersimpati dengan nasib yang dialaminya tetapi beliau (Dr Wan Azizah) perlu belajar menerima hakikat.

"Semua orang mahukan kebenaran, tetapi dengan membiarkan penyokong Anwar mengadakan perarakan dan perhimpunan haram, hanya menyulitkan keadaan.

"Oleh itu, Dr Wan Azizah perlu memujuk penyokong Anwar supaya tidak melakukan perkara yang melanggar undang-undang dan menjejaskan ketenteraman awam," katanya.

Dr Siti Zaharah yang juga Timbalan Menteri Kesihatan berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Wanita cawangan Bandar Pulai, di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Penerangan merangkap Ketua Umno bahagian Pulai, Datuk Seri Mohamed Rahmat; Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar negeri yang juga Ketua Wanita Umno Johor, Datuk Sabariah Ahmad dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kempas yang juga Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Abdul Kadir Annuar.

Hari Wanita yang diadakan sehari suntuk itu menyediakan pelbagai program termasuk persembahan kebudayaan, pertandingan gubahan bunga, demonstrasi masakan daripada labu dan gerai menjual makanan, minuman, buku serta pakaian.

Anwar dilucutkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 September lalu atas alasan salah laku seksual. Beliau dipecat daripada Umno sehari selepas itu.

Ahad lalu, beliau ditahan polis mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana menganjurkan perhimpunan dan ceramah haram serta menjejaskan ketenteraman awam.

Dr Siti Zaharah berkata, pihaknya sudah menyusun strategi penerangan di peringkat bahagian dan cawangan berhubung isu pemecatan itu bagi membolehkan Wanita Umno mengetahuinya dengan jelas.

"Hanya melalui penerangan yang terperinci, ia boleh memberi keyakinan kepada rakyat.

"Jika semua rakyat faham dan sanggup menerima kenyataan, maka kebenaran lambat laun akan terbukti," katanya.

Sehubungan itu, katanya, biarlah proses mahkamah menentukan kedudukan Anwar tanpa dihalang penyokong yang fanatik.

(END)